

Nama : _____

Kelas : _____

LATIHAN KATA ADJEKTIF

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan memilih kata adjektif yang paling sesuai.

1. Kereta itu _____ kerana dirempuh sebuah treler.
2. Hujan yang turun dengan sangat lebat menyebabkan air sungai itu mengalir dengan _____.
3. Filem animasi arahan pengarah muda itu mendapat sambutan _____ daripada penonton.
4. Pembahagian harta pusaka yang tidak adil itu menyebabkan hubungan Zaki dengan adik-beradiknya _____.
5. Suhana berasa _____ ketika berada dalam majlis rumah terbuka di rumah orang kenamaan itu.
6. Di dalam kotak _____ itu terdapat beberapa butir berlian yang bernilai berjuta-juta ringgit.
7. Perasaan _____ terhadap lelaki itu bermula apabila lelaki itu cuba menipunya.
8. Nafsu makannya tidak dapat ditahan lagi apabila melihat makanan yang _____ itu.
9. Makanan _____ patut dikurangkan kerana boleh mendatangkan pelbagai penyakit.
10. Pemuda yang berambut _____ itulah yang merosakkan telefon awam di kampung kami.